

# Putrajaya Holdings hadiahkan PM dua naskhah buku

UM 14 OCT 2003

PUTRAJAYA 13 Okt. — Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. hari ini menghadiahkan dua naskhah buku mengenai Putrajaya — pusat pentadbiran Kerajaan Pusat — kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan arkitek pembangunan bandar taman pintar itu.

Dua naskhah buku itu ialah *The Making of Putrajaya: The Developer's Perspective 1995-2002 (Pembinaan Putrajaya: Perspektif Pemaju)* dan *Bridges of Putrajaya (Jambatan di Putrajaya)*.

Kedua-dua naskhah

buku itu disampaikan kepada Dr. Mahathir oleh Pengerusi Putrajaya Holdings, Datuk Mohd. Hashim Hassan dalam upacara ringkas di Hotel Shangri-la Putrajaya di sini, hari ini.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Hasmah Mohd. Ali dan Pengerusi Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Dr. Mahathir juga menyaksikan pameran lukisan bertajuk 'Ekspresi Putrajaya' yang mengumpul 30 buah lukisan mengenai Putrajaya yang dihasilkan oleh tujuh pe-

lukis dari Fakulti Seni dan Reka Bentuk Universiti Teknologi Malaysia (UiTM).

Lukisan-lukisan itu memaparkan mengenai pelbagai bangunan dan pemandangan di Putrajaya.

Buku *The Making of Putrajaya* mengenai kejayaan Putrajaya Holdings membangunkan Putrajaya sehingga sekarang dan menjadi salah satu daripada kebanggaan negara.

Buku *Bridges of Putrajaya* pula menyingkap secara terperinci mengenai jambatan-jambatan di Putrajaya yang kini men-

jadi mercu tanda bandar taman pintar tersebut.

Mohd. Hashim dalam ucapannya berkata, hadiah istimewa kepada Dr. Mahathir itu sebagai tanda terima kasih atas kepimpinan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh Perdana Menteri dalam membangunkan Putrajaya.

Tambahnya, bandar raya taman pintar itu bukan sahaja pusat pentadbiran Kerajaan Pusat tetapi juga memperlihatkan kreativiti, teknologi, budaya, warisan dan keindahan semula jadi.